

382 rakyat asing terlibat edar dadah

KUALA LUMPUR – Seramai 382 rakyat asing yang terlibat dengan kes pengedaran dadah di Malaysia telah ditangkap dalam tempoh Januari hingga September tahun ini dengan 222 lagi masih dalam siasatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, penangkapan paling ramai memabitkan rakyat Myanmar iaitu 120 orang diikuti Iran (97 orang), Thailand (39), Indonesia (33) dan Nigeria (23).

Beliau berkata, pada tahun lepas, seramai 225 rakyat asing ditahan dengan 137 lagi masih dalam siasatan manakala pada 2008, seramai 227 ditahan dan 214 lagi disiasat, katanya menjawab pertanyaan **Loke Siew Fook (DAP-Rasah)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Siew Fook dalam pertanyaannya ingin tahu jumlah kes tangkapan mengenai kesalahan pengedaran dadah melibatkan rakyat asing mengikut negara asal masing-masing pada 2008, 2009 dan 2010 serta jumlah kes yang telah diadakan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman pada tahun-tahun berkenaan.

Abu Seman berkata, kerajaan memandang serius kegiatan pengedaran dadah termasuk yang melibatkan rakyat asing dengan pelbagai langkah diambil polis bagi membantaras kes berkenaan.

Beliau berkata, antara lang-

Info Nilai rampasan dadah dari tahun 2005-2010

Tahun	Nilai rampasan dadah (juta)
2005	RM53.60
2006	RM68.90
2007	RM71.20
2008	RM260.80
2009	RM389.20
2010 (JAN-JUN)	RM79.00

kah keselamatan yang diambil ialah pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara terutama di lapangan-lapangan terbang antarabangsa. Ia diperketatkan dengan penggunaan peralatan berteknologi tinggi seperti mesin pengimbas.

Menjawab soalan **Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading)** mengenai dakwaan Malaysia adalah negara terbaik untuk dijadikan transit pengedaran dadah, Abu Seman berkata, dakwaan itu tidak benar sama sekali.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Othman Harun ketika diminta mengulas laporan dari Dewan Rakyat itu berkata, siasatan polis menunjukkan kebanyakan warga Myanmar yang ditahan di negara ini



DADAH diseludup oleh warga Iran biasanya memabitkan kuantiti yang besar berbanding dadah dirampas daripada warga Myanmar. – Gambar hiasan

mengedar dadah dalam jumlah yang kecil.

“Kebanyakan dadah yang dirampas daripada warga Myanmar adalah dalam kuantiti kurang 20 gram.

“Kita percaya kebanyakan warga Myanmar yang bekerja di sini menggunakan dadah seperti heroin untuk kegunaan sendiri selain mengedar secara kecil-kecilan kepada rakan-rakan,” kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Othman, setakat ini pihaknya tidak pernah menahan rakyat Myanmar yang ter-

libat dalam kegiatan menyeludup dadah dalam jumlah yang besar.

Beliau memberitahu, antara jenis dadah yang dirampas melibatkan warga Iran ialah jenis heroin.

Othman berkata, berbanding Myanmar, pengedar dari Iran pula didapati menyeludup dadah dalam jumlah yang besar, kebiasaannya melebihi satu kilogram pada satu-satu masa.

Kebanyakan dadah yang dirampas ialah jenis syabu dan dibawa masuk ke negara ini melalui penerbangan udara.